

DATE: 14/10/2009

Tun Dr Mahathir, Abdullah sahkan kehadiran

BEKAS Perdana Menteri dan Presiden Umno, Tun Dr Mahathir Mohamad serta Tun Abdullah Ahmad Badawi mengesahkan kehadiran mereka ke perasmian Perhimpunan Agung Umno 2009, Khamis ini.

Dr Mahathir berkata, perhimpunan itu menjadi medan untuk Umno memulihkan semula kekuatannya yang sebelum ini dilihat semakin merosot.

"Adalah menjadi hara-

pan saya supaya Umno dapat dipulihkan semula dan kuat seperti suatu ketika dulu.

"Perhimpunan ini juga menjadi medan untuk semua ahli Umno kembali bersatu dan bekerjasama," katanya ketika ditemui pada majlis Aidilfitri bersama Unit Tindakan Khas Polis Diraja Malaysia (PDRM) di Bukit Aman, semalam.

Hadir sama, isterinya, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali;

Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan; timbalannya, Tan Sri Ismail Omar dan Komander UTK, Datuk Jaafar Mohd Yusof.

Ini adalah kali pertama Dr Mahathir menghadiri Perhimpunan Agung Umno tetamu kehormat selepas menyertai semula parti itu 4 April lalu, berikutan tindakannya mengisytiharkan keluar Umno, 19 Mei 2008.

Sementara itu, Setiausaha

Agung Umno, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, berkata kedua-dua negarawan itu dijemput sebagai tetamu kehormat pada majlis perasmian perhimpunan yang akan di sempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Kedua-dua pemimpin akan diiringi oleh isteri masing-masing, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Tun Jeanne Abdullah.

Tengku Adnan berkata, Abdullah juga perwakilan ke perhimpunan itu kerana beliau masih menyandang jawatan Ketua Umno Bahagian Kepala Batas.

Ini adalah kali pertama Abdullah menghadiri perhimpunan agung Umno sebagai tetamu setelah meletakkan jawatan sebagai presiden parti pada 28 Mac 2008 dan melepaskan jawatan sebagai Perdana Menteri pada 3 April lepas.